

FORMULA TERBAIK SATUKAN RAKYAT



ROHAMI SHAFIE

TIADA siapa pun menyangka pasukan Jepun mampu mengalahkan pasukan Afrika Selatan dalam kejohanan Ragbi Piala Dunia 2015 yang sedang berlangsung di England baru-baru ini. Wakil Asia yang dikenali sebagai *Brave Blossoms* ini berjaya menundukkan pasukan ternama *Springboks* itu dengan mata kemenangan tipis 34 berbalas 32.

Springboks telah menjadi juara Ragbi Piala Dunia sebanyak dua kali walhal *Brave Blossoms* tidak pernah sekali pun memenangi kejohanan ini, bahkan hanya sekali sahaja mengalahkan pasukan Zimbabwe sejak kejohanan Ragbi Piala Dunia bermula pada 1987. Ini membuktikan sebuah pasukan yang dianggap kerdil seperti *Brave Blossoms* boleh berdiri sebaris dengan pasukan gergasi seperti *All Blacks* dari New Zealand, *Wallabies* dari Australia dan *Red and Whites* dari England.

Formulanya sudah tentulah kerjasama dalam kalangan pemain ragbi Jepun. Bagi peminat ragbi, mereka amat memahami sukan itu memerlukan pemain-pemain hebat yang berdisiplin setiap masa, saling mempercayai dan membantu antara satu sama lain. Ragbi bukanlah permainan individu.

Mustahil legenda ragbi dunia seperti Jonah Lomu mampu melakukan penyudah terbaik tanpa sokongan pemain-pemain lain. Kerjasama pasukan lebih utama daripada kemahiran individu. Dengan kata lain, pemain-pemain ragbi wajib menerapkan perpaduan yang kukuh dalam kalangan mereka.

Pasukan ragbi Jepun telah membuktikannya. Umum mengetahui, bangsa Jepun hebat serba-serbi. Mereka sehati sejiwa dalam banyak

Jika alasan bahasa ibunda kaum masing-masing akan terhapus, itu hanyalah alasan remeh yang digunakan oleh segelintir mereka yang terlalu jumud pemikirannya.

perkara. Terlalu banyak nilai murni yang diamalkan oleh bangsa Jepun. Mereka juga cukup patriotik mempertahankan negara dan bahasa mereka. Jauh berbeza sebahagian rakyat Malaysia yang berasa malu berbahasa Melayu.

Dalam hal ini, tiada siapa pun boleh menafikan bahawa pendidikan memainkan peranan untuk menyatukan sebarang bangsa di dunia ini. Pendidikan juga boleh membentuk akhlak yang baik seperti menghormati budaya dan agama orang lain serta bertingkah laku berasaskan nilai-nilai murni yang sudah diterima dalam masyarakat sesebuah negara. Ini membolehkan masyarakatnya sentiasa bersatu-padu.

Dalam hal ini, semua pihak perlu mengambil berat dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar bahawa keharmonian kaum di Malaysia perlu bermula sejak dari peringkat sekolah rendah lagi. Dengan ini, sekolah satu aliran perlu diutamakan oleh kerajaan.

Apa yang diperkatakan oleh beliau benar sama sekali. Ini mengingatkan saya semasa bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Methodist Anglo Chinese School, Ipoh pada pertengahan 1980-an sehingga awal 1990-an. Rakan-rakan saya berbilang kaum. Tiada langsung isu kaum kerana kami memahami antara satu sama lain kerana bergaul hampir setiap hari. Sudah menjadi kebiasaan sering kali saya berkunjung ke rumah rakan-rakan yang berlainan kaum. Pergaulan kami semakin erat terutama semasa berlangsungnya acara sukan.

Tidak setakat berlatarbelakangkan pelbagai kaum, latar belakang keluarga kami juga berbeza sama sekali. Ada yang terdiri daripada anak-anak orang berpendapatan rendah dan tidak kurang juga yang kaya-raya serta anak orang kenamaan. Namun, kami tidak langsung berasa janggal bergaul antara satu sama lain. Hubungan yang erat ini membuktikan bahawa sekolah satu aliran mampu menyatupadukan semua kaum yang memiliki pelbagai latar belakang keluarga.

Jika alasan bahasa ibunda kaum masing-masing akan terhapus, itu hanyalah alasan remeh yang digunakan oleh segelintir mereka yang terlalu jumud pemikirannya. Bahasa ibunda masih boleh dijadikan subjek di sekolah satu aliran. Sekarang ini pun, adanya subjek bahasa ibunda yang diajar di sekolah kebangsaan. Tidak hilang bahasa tersebut sebagaimana dibuktikan di Singapura. Bayangkan Perdana Menteri Singapura pun fasih berbahasa Melayu, selain bahasa Cina dan Inggeris. Ini membuktikan bahawa sekolah satu aliran masih boleh berfungsi untuk mengukuhkan pelbagai bahasa di bawah satu bumbung.

Segala kepelbagaian yang terbentuk ini hanya boleh menjadi kekuatan yang cukup hebat jika diletakkan di bawah satu bumbung. Bukannya kepelbagaian ini dipisah-pisahkan sejak kecil lagi. Apabila dipisah-pisahkan kepelbagaian ini, maka akan menjelma sebagai ancaman perpecahan kepada masyarakat. Inilah yang diinginkan oleh segelintir pihak yang hanya

pentingkan diri sendiri kerana tidak mahu melihat rakyat Malaysia bersatu-padu melalui sekolah satu aliran.

Buktinya jelas kelihatan waktu ini apabila terdapat generasi muda yang langsung tidak memahami budaya dan agama kaum lain sehinggakan tergamak melakukan perbuatan yang menyinggung perasaan kaum lain.

Sebaliknya, jika semua kaum diletakkan di bawah satu bumbung, maka hasil jangka masa panjang sudah pasti perpaduan kaum yang dapat menjamin pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana ditegaskan oleh Abdul Wahid ketika menjadi salah seorang ahli panel sempena pembentangan Laporan Terkini Ekonomi Malaysia anjuran Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), baru-baru ini.

Perpaduan tunjang keamanan, manakala keamanan asas pembangunan dan kemajuan ekonomi. Sebagai tokoh korporat yang amat disegani, kenyataan yang dibuat oleh beliau berpaksikan fakta dan realiti yang sedang berlaku di Malaysia.

Sebelum ini, sudah ramai menyatakan hal yang sedemikian terutamanya ahli-ahli akademik dan para cendekiawan. Jadi, apabila seorang tokoh korporat seperti Wahid memiliki keyakinan tinggi terhadap sekolah satu aliran yang mana kedua-dua anaknya dihantar ke sekolah kebangsaan, maka, kerajaan wajar mempercepatkan kewujudan sekolah satu aliran sahaja agar isu perkauman dapat ditangani secara holistik.

Yakinlah, majoriti rakyat akan menyokong sepenuhnya keberanian politik kerajaan untuk mewujudkan hanya sekolah satu aliran di Malaysia. Inilah formula terbaik untuk menyatukan rakyat Malaysia!

DR. ROHAMI SHAFIE ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia (UUM).